



KERAJAAN MALAYSIA



S.P.A.D.

PEKELILING
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT
BIL.3 TAHUN 2012

MIGRASI LESEN KENDERAAN KEPADA
LESEN PENGENDALI

SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT

TARIKH: 8 MAC 2012

Semua Pengendali Kenderaan Perkhidmatan Awam di Semenanjung Malaysia
Semua Pengendali Perkhidmatan Kenderaan Barang di Semenanjung Malaysia
Semua Pejabat SPAD Negeri
Agenzi-agensi Kerajaan Yang Berkenaan

MIGRASI LESEN KENDERAAN KEPADA LESEN PENGENDALI

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai proses migrasi daripada lesen kenderaan kepada lesen pengendali bagi kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan barang.

LATAR BELAKANG

2. Merujuk kepada Seksyen 16 dan 51 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) pengendali kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan barang boleh mengendali atau mengadakan suatu perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan barang dengan memegang lesen pengendali.

3. Proses migrasi ini hanya melibatkan pengendali kenderaan perkhidmatan awam (bas dan teksi) dan kenderaan barang. Pengendali perkhidmatan rel dan kenderaan pelancongan adalah terkecuali daripada proses migrasi ini.

4. Proses migrasi ini dilaksanakan bagi mencapai objektif seperti berikut:

- (a) Membangun dan menambahbaik pencapaian industri perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan barang dari aspek peningkatan kualiti dan mewujudkan pengendali yang lebih berdaya maju;
- (b) Memudahkan urusan pelesenan dan mengurangkan karenah birokrasi dalam industri pengangkutan; dan

- (c) Mewujudkan fleksibiliti kepada pengendali untuk menguruskan dan menggunakan kenderaan secara optima.

PELAKSANAAN PROSES MIGRASI KEPADA LESEN PENGENDALI

5. Pengendali yang telah membuat pendaftaran dan pertimbangan semula dengan SPAD sahaja LAYAK untuk mendapatkan lesen pengendali. Mana-mana pengendali yang gagal mendaftar semula dalam tempoh yang ditetapkan, lesen tersebut adalah luput seperti mana yang termaktub dalam Seksyen 10 (3), Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2010.

Komponen Lesen Pengendali

6. Lesen pengendali terdiri daripada empat (4) komponen utama, iaitu:

- (a) Lesen Pengendali Mengandungi maklumat utama pengendali yang terdiri daripada nama syarikat, nombor dan alamat daftar syarikat, kelas lesen dan tempoh sah laku lesen.
- (b) Permit Kenderaan Mengandungi dua (2) komponen:
- (i) Lampiran A - senarai semua permit kenderaan yang dimiliki oleh pengendali dalam kelas lesen yang berkenaan; dan
 - (ii) Permit Kenderaan- tanda pengenalan yang dibawa bersama dalam setiap kenderaan bagi kelas kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan barang yang berkenaan.

- (c) Permit Perkhidmatan Mengandungi senarai laluan yang dibenarkan bagi kelas lesen pengendali yang berkenaan;
- (d) Keperluan Tahap Perkhidmatan Keperluan yang perlu dipatuhi oleh pengendali yang merangkumi aspek keselamatan, perkhidmatan pelanggan, kebolehpercayaan dan kebolehcapaian.

7. Pengendali yang mengendali lebih daripada satu (1) kelas lesen perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan barang akan menerima dua (2) set lesen pengendali.

Contoh:

Syarikat A memiliki lesen bas sekolah dan kereta sewa. Maka lesen pengendali yang akan diterima adalah dua (2) iaitu lesen pengendali bas sekolah dan lesen pengendali kereta sewa.

8. **Tanda Pengenalan Permit Kenderaan** yang diluluskan hendaklah **dibawa bersama** dalam setiap satu kenderaan yang dibenarkan beroperasi di bawah nama lesen pengendali yang berkenaan. Bagi memudahkan aktiviti penguatkuasaan, setiap pengendali dinasihatkan agar turut membuat sesalinan permit perkhidmatan dan dibawa bersama dalam kenderaan tersebut.

Kadar Bayaran

9. Proses migrasi kepada Lesen Pengendali adalah **PERCUMA**.

10. Walau bagaimanapun, yuran percetakan dengan kadar bayaran yang berpatutan akan dikenakan kepada pengendali berdasarkan keadaan-keadaan tertentu. Kadar bayaran tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

Tempoh Pelaksanaan dan Penyerahan Lesen Pengendali

11. Bermula dari 31 Januari 2012, lesen pengendali akan dicetak dan diserahkan kepada semua pengendali yang layak setelah membuat pendaftaran dan pertimbangan semula dengan SPAD.
12. Pengendali akan dimaklumkan untuk mengambil lesen pengendali melalui Pejabat SPAD Wilayah yang berkenaan di mana pengendali tersebut mendaftarkan perniagaan.
13. Sekiranya terdapat kesilapan pada lesen pengendali yang diserahkan, pengendali perlu mengisi Borang Pembetulan Lesen Pengendali dan dikembalikan kepada Pejabat SPAD Wilayah yang berkenaan dalam tempoh **14 hari** dari tarikh serahan. Pembetulan akan dilaksanakan oleh S.P.A.D. tertakluk kepada peraturan yang berkuatkuasa secara percuma. Borang Pembetulan Lesen Pengendali seperti di **Lampiran B** dan boleh dimuat turun menerusi laman web SPAD di www.spad.gov.my.
14. Sekiranya tiada sebarang permohonan pembetulan yang diterima dalam tempoh tersebut, maka lesen pengendali tersebut dianggap sebagai muktamad dan sebarang pembetulan selepas tempoh tersebut akan dikenakan bayaran percetakan seperti di **Lampiran A**.
15. Pengendali diberi tempoh selama enam (6) bulan mulai 1 April 2012 hingga 31 September 2012 untuk memastikan lesen sedia ada telah ditukar kepada lesen pengendali. Pengendali yang belum dihubungi untuk proses migrasi ini bolehlah menghubungi pejabat SPAD yang berdekatan.
16. Carta aliran bagi serahan lesen pengendali adalah seperti di **Lampiran C**.

TINDAKAN

17. Semua Pejabat SPAD Wilayah dipohon untuk memaklumkan kepada kakitangan dan pegawai yang bertanggungjawab serta pelesen yang berdaftar di wilayah masing-masing berhubung proses migrasi lesen ini.

TARIKH KUATKUASA

18. Arahan pekeliling migrasi kepada lesen pengendali berkuatkuasa mulai 8 Mac 2012.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(AZHAR BIN AHMAD)
Ketua Pegawai Operasi
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

8 MAC 2012

LAMPIRAN A

KADAR BAYARAN BAGI MIGRASI KEPADA LESEN PENGENDALI

BIL.	KOMPONEN	KADAR BAYARAN CETAKAN
1	Lesen Pengendali	RM30.00
2	Permit Kenderaan - 1 hingga 5 permit	Percuma
3	Permit Kenderaan - 6 permit dan ke atas	RM5.00 setiap permit
	(Contoh : jika memiliki 6 permit, bayaran adalah sebanyak $6 \times \text{RM}5 = \text{RM}30$)	
4	Permit Perkhidmatan dan Keperluan Tahap Perkhidmatan	Percuma

LAMPIRAN B

S.P.A.D. 2 (2012)

(BORANGINI PERCUMA)



**SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT
BORANG PEMBETULAN
LESEN PENGENDALI**



SYARAT-SYARAT PEMBETULAN LESEN PENGENDALI :

1. Permohonan bagi membetulkan Lesen Pengendali perlu dibuat dalam tempoh **14 hari** dari tempoh serahan Lesen Pengendali oleh Suruhanjaya.
 2. Sekiranya tiada sebarang permohonan pembetulan diterima dalam tempoh tersebut, Lesen Pengendali dianggap sebagai muktamad.
 3. Suruhanjaya mempunyai hak dan kuasa bagi membetulkan mana-mana maklumat dalam Lesen Pengendali atau sebaliknya tertakluk kepada peraturan yang sedang berkuatkuasa.
 4. Permohonan pembetulan Lesen Pengendali boleh dikemukakan ke mana-mana pejabat S.P.A.D. wilayah. Pengendali akan dimaklumkan oleh pejabat wilayah yang berkenaan apabila Lesen Pengendali selesai dikemaskini.
 5. Permohonan pembetulan Lesen Pengendali adalah **PERCUMA** dalam tempoh 14 hari dari tarikh serahan Lesen Pengendali.

BUTIRAN PENGENDALI

1. NO. RUJUKAN LESEN PENGENDALI

- ## 2. NAMA LESEN PENGENDALI

- 3 . NO. TELEFON NO. FAKS

4. KELAS LESEN (SILA TANDA (✓) PADA PETAK YANG BERKENAAN):

	'A' (LA)		'KA'		'C' (LC)				
	TX		TL		TT		TP		TS
	BB		BE		BM		BC		BS

Rujukan

Pembawa : 'A' (LA) - Pembawa A 'KA' – Kontena 'C' (LC) - Pembawa C

Teksi : TX - Teksi **TL** - Limosin **TT** - Lapangan Terbang **TP** - Sewa dan Pandu **TS** - Kereta Sewa

Bas : BB - Berhenti-henti BE - Ekspres BM - Mini BC - Catar BS - Sekolah BJ - Pekerja
BF - Pengantara

BUTIRAN DALAM LESEN PENGENDALI YANG DIBETULKAN

BIL	PERKARA	BUTIRAN SEBENAR
1	NO. DAFTAR SYARIKAT	
2	NAMA SYARIKAT / LESEN PENGENDALI	
3	ALAMAT BERDAFTAR	

BIL	PERKARA	BUTIRAN SEBENAR	
4	BILANGAN PERMIT KENDERAAN YANG DICETAK PADA LESEN PENGENDALI	<input type="checkbox"/> BILANGAN DICETAK	<input type="checkbox"/> BILANGAN SEBENAR
		BUTIRAN NO. LESEN LPKP / NO. DAFTAR KENDERAAN:	
		1.	_____
		2.	_____
		3.	_____
		4.	_____
		(SILA GUNAKAN LAMPIRAN SEKIRANYA RUANGAN TIDAK MENCUKUPI)	
5	BILANGAN PERMIT PERKHIDMATAN YANG DICETAK PADA LESEN PENGENDALI	<input type="checkbox"/> BILANGAN DICETAK	<input type="checkbox"/> BILANGAN SEBENAR
		BUTIRAN LALUAN:	
		1.	_____

		2.	_____

		3.	_____

		4.	_____

		(SILA GUNAKAN LAMPIRAN SEKIRANYA RUANGAN TIDAK MENCUKUPI)	
6	LAIN-LAIN		

Saya pemegang MyKad bermnobor bagi
pihak sendiri / mewakili syarikat..... dengan ini
mengaku bahawa segala maklumat yang saya berikan di dalam borang ini adalah benar dan saya bertanggungjawab di atas maklumat-maklumat
yang diberikan.

Tarikh : _____

Tandatangan Pembuat :

Akuan

Nama : _____

Jawatan : _____

Cop Syarikat /

Perniagaan : _____

LAMPIRAN C

CARTA ALIRAN PROSES SERAHAN LESEN PENGENDALI

